

MAHATHIR

1977

KUALA LUMPUR, 27 APRIL (BERNAMA) --- SEKUMPULAN PELAJAR YANG TIDAK DITERIMA BALIK KE INSTITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) SELEPAS MEREKA DIBUANG BERIKUTAN DENGAN TUNJUK PERASAAN DI KAMPUS ITM TAHUN LALU TIDAK AKAN DIBENARKAN MENYERTAI ITM SEMULA.

DEMIKIAN MENURUT TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD, KETIKA MENGULAS USUL YANG DILULUSKAN BARU-BARU INI OLEH MAJLIS BELIA MALAYSIA (MBM) MENGGESA BELIAU MENERIMA BALIK KUMPULAN PELAJAR TERSEBUT KE ITM.

DR. MAHATHIR BERKATA SEMUA PELAJAR YANG DISINGKIRKAN SEMASA TUNJUK PERASAAN ITU MEMUNCAK TELAH DIBERI PELUANG MENJELASKAN TINDAKAN MEREKA DAN MERAYU UNTUK DITERIMA BALIK KE DALAM ITM.

TETAPI KUMPULAN INI ENGGAN MENJAWAB SERUAN KEMENTERIAN PELAJARAN SUPAYA MEREKA DATANG UNTUK DITEMUDUGA DAN MEMBINCANGKAN MASALAH MEREKA DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN ITU. --- BERSAMBUNG
1837/AI

££

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+JIKA PELAJAR-PELAJAR ITU SENDIRI TIDAK MENUNJUKKAN MINAT UNTUK MENGGUNAKAN PELUANG YANG DISEDIAKAN ITU, SAYA TIDAK MENGETI MENGAPA MBM PATUT MEMPERJUANGKAN KES MEREKA, + TAMBAHNYA.

KATANYA LAGI KUMPULAN PELAJAR ITU BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP GANGGUAN PELAJARAN DI ITM DAN ADALAH TUGAS BELIAU UNTUK MEMPASTIKAN KUMPULAN INI TIDAK LAGI DAPAT MEMPENGARUHI SERAMAI LEBIH 7,000 ORANG PELAJAR DI ITM SEKARANG.

+MEREKA TIDAK MENUNJUKKAN PERASAAN KESAL TERHADAP TINDAKAN MEREKA DAN OLEH ITU, MEREKA TIDAK BOLEH MENGHARAPKAN MASYARAKAT AKAN MEMBERI LAGI PELUANG KEPADA MEREKA. +

BAGAIMANAPUN, DR. MAHATHIR MENYATAKAN, MEREKA DIBENARKAN MEMOHON MENDAPATKAN TEMPAT DI INSTITUSI-INSTITUSI LAIN ASALKAN MEREKA TIDAK MELANGGAR PERATURAN KEMASUKKAN INSTITUSI ITU. --- BERSAMBUNG
1845/AI

££

B624:

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, DR. MAHATHIR MENERIMA KUNJUNGAN MENTERI PEMBINAAN KOREA SELATAN, ENCIK SHIN HYOUNG-SIK, YANG DISERTAI OLEH MENTERI KERJAJAYA DAN KEMUDAHAN, DATUK GHANI GILONG, DI PEJABATNYA.

BERUCAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS ITU, DR. MAHATHIR BERKATA LEBIH RAMAI LAGI PARA PELABUR KOREA SELATAN PATUT MELABURKAN DI MALAYSIA, TERUTAMA SEKALI DALAM BIDANG PERKILANGAN.

SETAKAT INI, PENGLIBATAN KOREA SELATAN DI MALAYSIA TERHADAP KEPADA KERJA-KERJA PEMBINAAN DAN MENGHANTAR PARA JURUTERA DAN DOKTO SECARA KONTREK. --- BERNAMA 1849/AI